

01/08/2002

Nik Aziz dakwa klip video terkeluar konteks

KOTA BHARU, Rabu - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mendakwa perkataan samseng dalam sedutan ucapan klip video yang disiarkan Radio Televisyen Malaysia (RTM) terkeluar daripada konteks sebenar ucapannya.

Menteri Besar Kelantan itu berkata, ucapan itu adalah sebagai ingatan kepada rakyat Kelantan mengenai keagungan Tuhan dengan menyatakan sifat Allah melebihi daripada sikap samseng, keangkuhan dan kesombongan manusia.

"Jika nak cakap (ceramah) dengan rakyat Kelantan, saya perlu menggunakan perkataan yang boleh memberi kesan mendalam seperti `samseng'...memang dia (rakyat Kelantan) gerun.

"Allah meletakkan diri-Nya dengan nama al-Mutakabbir (Yang Maha Besar), al-Jabbar (Yang Maha Gagah), al-Muntakim (Yang Pembalas Dendam). Tiga nama itu sekurang-kurangnya dapat menggambarkan Dia mengatasi segala samseng manusia di dunia.

"Baik samseng Namrud dengan Nabi Ibrahim, samseng Firaun dengan Nabi Musa, samseng Abu Jahal dengan Nabi Muhammad, juga samseng moden sekarang ini.

"Dia (manusia) kena ingat ada lagi yang lebih samseng, iaitu Allah. Itu tujuan sebenar saya. Maka selagi RTM sempurna mesej itu atau tidak, terserahlah pada dia (RTM)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis pelancaran kempen Hari Pahlawan 2002 peringkat negeri Kelantan, di Tugu Peringatan Padang Merdeka, di sini hari ini. Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Tengku Shah Buddin Tengku Mohd Maasum; Panglima 8 Briged, Brig Jen Datuk Ramli Harun dan Ketua Polis Negeri, Senior Asisten Komisioner I Datuk Mohd Najib Abdul Aziz.

Nik Abdul Aziz berkata, beliau menggunakan bahasa yang sesuai dengan peredaran zaman dan tidak terikat kepada terjemahan 100 tahun lalu.

Mengenai penceramah Pas, Bunyamin Yaacob, yang menuduh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menonton video lucu bersama cucunya, beliau berkata: "Itu saya tak dengar...itu dia punya pasal. Saya nak beritahu bahawa masih banyak masalah nyawa orang Pas di Memali dan Samad Gul di Kota Bharu yang belum selesai hingga hari ini."